



**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KENYATAAN MEDIA

ISU TULAR PENGHUNI PUSPEN MELARIKAN DIRI

KAJANG, 30 Julai 2026 – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin memaklumkan pada Jumaat lepas telah berlaku insiden kelarian empat orang penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Perlop, Perak.

AADK ingin mengesahkan bahawa keempat-empat orang penghuni tersebut telah berjaya ditangkap semula di sekitar daerah Sungai Siput dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia dan penduduk kampung.

Lanjutan daripada kejadian itu, tersebarnya mesej mendakwa penghuni tersebut berada di sekitar Bandar Baru Bangi dan dianggap berbahaya kepada orang ramai sekali gus telah menimbulkan keresahan kepada penduduk di kawasan tersebut. Mesej yang tular tersebut adalah **PALSU** berikutan kesemua penghuni tersebut hanya melarikan diri dan berada di sekitar daerah Sungai Siput, Perak sebelum ditangkap semula.

Siasatan dalaman secara menyeluruh dijalankan serta-merta bagi mengenal pasti punca kejadian, termasuk meneliti sebarang unsur kecuaiian atau ketidakpatuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP). AADK akan mengambil tindakan tatatertib dan undang-undang sekiranya wujud kecuaiian dalam kalangan kakitangan yang terlibat.

Orang ramai digesa agar tidak menyebarkan sebarang maklumat tidak sahih yang boleh menimbulkan keresahan awam. Tindakan undang – undang boleh diambil terhadap mana-mana individu yang menyebarkan berita palsu di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta peruntukan undang-undang lain yang berkuat kuasa.

TAMAT



**DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini, sila hubungi Unit Media dan Komunikasi Korporat, Agensi Antidadah Kebangsaan di talian 03-8911 2424/ 2564